

LAPORKAN RASUAH ANDA DILINDUNGI



**AKTA SURUHANJAYA
PENEGAHAN RASUAH
MALAYSIA 2009 (AKTA 694)**



**AKTA PERLINDUNGAN
PEMBERI MAKLUMAT 2010
(AKTA 711)**



**AKTA PERLINDUNGAN
SAKSI 2009 (AKTA 696)**



SURUHANJAYA PENEGAHAN RASUAH MALAYSIA
1-800-88-6000 www.sprm.gov.my

AKTA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA 2009 (AKTA 694)

SEKSYEN 65 ASPRM 2009

Memperuntukan perlindungan kepada pemberi maklumat dan kandungan maklumat tidak boleh didedahkan oleh mana-mana orang termasuk tidak boleh didedahkan atau diperintahkan supaya didedahkan dalam mana-mana prosiding mahkamah, tribunal atau pihak berkuasa lain.



Maklumat, identiti pemberi maklumat dan hal berkaitan maklumat yang diberikan akan dirahsiakan serta tidak boleh didedahkan.

Seksyen 65(1)
ASPRM 2009

Segala bahagian dokumen/rakaman yang dirujuk oleh pemberi maklumat akan disembunyi dan dipadamkan setakat yang perlu bagi melindungi identiti pemberi maklumat.



Seksyen 65(2)
ASPRM 2009

AKTA PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT 2010 (AKTA 711)

- Merupakan satu akta untuk **menggalakkan pendedahan maklumat** mengenai sebarang jenayah rasuah atau salah laku lain.
- Akta ini akan **memberi perlindungan** kepada pemberi maklumat daripada sebarang tindakan memudaratkan akibat daripada pendedahan yang telah dibuat.



JENIS-JENIS PERLINDUNGAN



Identiti pemberi maklumat serta maklumat yang diberikan adalah dirahsiakan dan tidak boleh didedahkan kepada sesiapa pun termasuk semasa perbicaraan di mahkamah.

Seksyen 7(1)(a)
APPM 2010

Pemberi maklumat tidak boleh dikenakan apa-apa tindakan sivil, jenayah atau tatatertib akibat daripada pendedahan tersebut.

Seksyen 7(1)(b)
APPM 2010



Pemberi maklumat dilindungi daripada sebarang tindakan yang memudaratkan hasil tindak balas pendedahan yang telah dibuat.

Seksyen 7(1)(c)
APPM 2010

Perlindungan turut diberikan kepada mereka yang mempunyai kaitan/hubungan dengan pemberi maklumat.

Seksyen 7(3)
APPM 2010



SYARAT-SYARAT PERLINDUNGAN



Pemberi
maklumat
bersedia untuk
dikenali oleh
SPRM



Pemberi maklumat
hadir sendiri dan
berjumpa dengan
pegawai SPRM
sama ada di pejabat
atau di mana-mana
tempat



Sekiranya pendedahan
Kelakuan Tidak Wajar (KTW)
dibuat melalui surat/ emel/
panggilan telefon/
khidmat pesanan ringkas,
pemberi maklumat perlu
menyatakan identiti dan
alamat atau cara bagaimana
beliau boleh dihubungi



AKTA PERLINDUNGAN SAKSI 2009 (AKTA 696)



Akta ini bertujuan mewujudkan suatu program perlindungan saksi dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Perlindungan Kepada Saksi Kes Rasuah:

Sekiranya saksi merasa ada ancaman, beliau perlu membuat aduan kepada pegawai penyiasat kesnya atau mana-mana pegawai SPRM. Maklumat saksi berkenaan akan dikemukakan kepada Unit Perlindungan Saksi Jabatan Perdana Menteri untuk didaftarkan.



PROGRAM PERLINDUNGAN SAKSI



01

Menyediakan tempat tinggal peserta itu

02


Mewujudkan identiti baru

03

Memberikan pembayaran sara hidup

04

Apa-apa tindakan lain yang dirasakan perlu oleh Ketua Pengarah, Unit Perlindungan Saksi



Tel: 03-8870 0000 / 8870 0688
Fax: 03-8870 0901 / 8870 0934



Bebas Tol : 1 800 88 0000
SMS : 019-6000 696
Emel : info@sprm.gov.my
MACC Mobile : Google App / App Store
Website : Portal Aduan Rasuah SPRM



Ibu Pejabat Ibu Pejabat SPRM
No. 2, Lebuhraya Wawasan,
Presint 7, 62250 Putrajaya.